

12 JUL 2003

Multaqa-Tamat (Gulung)/I

MULTAQA ULAMA SEDUNIA CAPAI MATLAMAT PENGANJURANNYA

Oleh: Jamaluddin Muhammad

PUTRAJAYA, 12 Julai (Bernama) -- Selepas tiga hari perbincangan, Multaqa Ulama Sedunia anjuran Malaysia berakhir hari ini dengan para perwakilan berjanji mewujudkan pelan tindakan bagi meningkatkan martabat ummah dalam menghadapi cabaran global.

Pertemuan 900 ulama, termasuk 90 cendekiawan asing itu memberi kesan yang berkekalan berikutan cadangan untuk menubuhkan sekretariat tetap selain rangka tindakan untuk menggerakkan usaha bagi mencapai kecemerlangan Islam dalam pelbagai bidang.

Ia adalah hasil penilaian diri secara jujur mengenai kelemahan umat Islam dalam bidang ekonomi, ketenteraan, sains dan teknologi serta pendidikan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggerakkan perbincangan apabila menggesa ulama Islam memainkan peranan bagi mengembalikan kegemilangan dan keagungan Islam pada masa lepas dan menangani salah tafsiran mengenai agama yang memecah-belahkan umat Islam.

Semasa merasmikan multaqa pada Khamis, Dr Mahathir menggesa mereka memberi dorongan kepada umat Islam menguasai semua bidang ilmu khususnya sains dan teknologi untuk kesempurnaan ummah.

"Jika kita buat tafsiran salah mengenai agama kita dan menekankan hanya kepada pengetahuan agama dan meninggalkan yang lain, kita tidak akan dapat memenuhi obligasi kita kepada ummah, mampu mempertahankan mereka, mengembalikan penghormatan dan maruah kepada agama kita," kata Dr Mahathir.

Para perwakilan yang berkongsi pandangan dengan Dr Mahathir, turut memberi komitmen bagi meningkatkan ummah.

Mereka bersetuju mengenai perlunya mengadakan perbincangan bagi melaksanakan rangka tindakan dari semasa ke semasa.

Sekretariat yang berpejabat di Kuala Lumpur itu akan berperanan sebagai pemangkin bagi merangka tindakan hasil daripada idea konstruktif ulama, cendekiawan serta pemikir Islam bagi meningkatkan status ummah dan dunia Islam.

Multaqa tiga hari anjuran Jabatan perdana Menteri itu berjaya menarik perhatian ramai cendekiawan terkemuka Islam termasuk Sheikh Al-Azhar Dr Muhammad Sayyid Tantawi yang menganggap Malaysia sebagai model negara Islam yang progresif, yang turut mencapaikan ucap tama.

Beliau juga menjelaskan persoalan mengenai peranan ulama dengan meminta umat Islam menolak sepenuhnya ulama palsu yang ajaran mereka menyimpang daripada ajaran sebenar Islam, untuk kepentingan diri sendiri.

Isu-isu yang meliputi globalisasi, kemiskinan, pengurusan sumber, wanita, ketenteraan, pendidikan dan peranan organisasi bukan kerajaan, dibincangkan sepanjang tiga hari itu.

Selain pengetahuan duniawi, multaqa itu juga mengupas isu-isu penting mengenai akidah ummah yang seharusnya bermula dengan tafsiran betul mengenai Islam.

Persidangan itu juga mengingatkan umat Islam mengenai perlunya menghalang perkembangan kumpulan ekstremis dan pengganas yang menggunakan Islam untuk kepentingan diri.

Para peserta mengakui hakikat bahawa persidangan itu sudah mencapai objektif menghimpunan ulama dari seluruh dunia untuk menumpukan tumpuan kepada mencari penyelesaian dalam menangani isu-isu yang dihadapi umat Islam.

-- BERNAMA

JM AZZ LAT